

PARLIMEN
MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 2 NOVEMBER 2010

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LIS
AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO.
7, 9,10,13 HINGGA 40)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6
8,11 DAN 12

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 7

PARLIMEN MALAYSIA FEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

Dato' Henry Sum Agong (LAWAS)

DARIPADA

2 November 2010

TARIKH

Dato' Henry Sum Agong minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-

SOALAN

apakah program-program peningkatan
ekonomi jangka pendek/panjang yang
dijalankan secara agresif dan meluas bag
golongan petani, nelayan, penternak dan
pekebun.

JAWAPAN Tuan

Yang Di Pertua,

Dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi jangka pendek dan panjang golongan sasaran yang terdiri daripada petani, penternak dan nelayan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memberi tumpuan membangunkan enterpris berskala kecil dan sederhana serta mikro dengan melibatkan enterpris ini di sepanjang rangkaian bekalan iaitu daripada pengeluaran asas sehingga produk terproses yang sedia untuk dimakan.

Dalam hubungan ini antara program yang dijalankan oleh MOA termasuklah:

(i) **Pembangunan Produk Bernilai Tinggi**

Produk bernilai tinggi seperti akuakultur, rumpai laut, herba dan rempah ratus, sarang burung walit, ikan hiasan, florikultur dan cendawan semakin mendapat tempat di pasaran tempatan dan luar negara. Pembangunan

produk-produk bernilai tinggi ini berpotensi untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan sasaran. Pada masa yang sama, tumpuan juga diberikan kepada produk-produk terproses seperti produk makanan mudah sedia dan sedia dimakan, ramuan makanan dan produk-produk penjagaan diri. Bagi menggalakkan golongan sasaran supaya terlibat dalam pengeluaran produk bernilai tinggi, MOA menyediakan pakej sokongan dan latihan serta skim pinjaman mudah.

(ii) Peningkatan Pengeluaran Asas dan Produktiviti

Peningkatan pengeluaran asas dan produktiviti bagi sektor tanaman, perikanan dan ternakan dilaksanakan melalui pengeluaran benih dan bahan tanaman, benih ikan dan udang, perolehan baka lembu dan kambing serta perkhidmatan mekanisasi dan automasi. Antara projek yang dijalankan adalah Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berjaya membantu penternak lembu membesarkan projek ke tahap komersial bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara.

(iii) Pembangunan Kawasan Khas Untuk Pengeluaran Kawasan-kawasan pengeluaran makanan khusus seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur dan Pusat Fidlot Nasional telah diwujudkan bagi menggalakkan golongan sasaran dan pihak swasta mengeluarkan makanan secara komersial dan berterusan mengikut amalan pertanian baik.

(iv) Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani

Penekanan diberikan kepada pembangunan usahawan industri asas tani bagi Meningkatkan pendapatan usahawan, petani, penternak dan nelayan dengan penglibatan lebih serius individu dan perkumpulan usahawan petani, penternak dan nelayan dalam aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian. Penekanan diberikan menerusi aktiviti tambahan dan nilai tambah 'value added' yang tinggi di mana boleh menjana pendapatan

tambahan kepada mereka. Melalui program Industri Asas Tani kualiti produk diperkukuhkan bagi menembusi pasaran melalui penggunaan teknologi pemprosesan moden, pembungkusan yang berinovatif bagi memenuhi kehendak pengguna serta pasaran tempatan dan luar negara. Usaha ini diambil untuk memperkukuh pasaran tradisional dan menembusi pasaran baru berasaskan pematuhan kepada keperluan antarabangsa seperti persijilan halal, GHP, GMP dan HACCP.

(v) Pelaksanaan Ladang Kontrak

Pelaksanaan program ladang kontrak penting dalam memastikan pengeluaran golongan sasaran dapat dipasarkan pada harga yang berpatutan dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para petani selain mendidik para pengusaha mengeluarkan hasil yang berkualiti seperti yang diperlukan oleh pasaran. Melalui program ladang kontrak pengeluaran hasil pertanian tanaman dipadankan dengan permintaan di pasaran. Program ini memberi penekanan kepada pengeluaran berkualiti dan nilai tambah yang tinggi melalui aktiviti-aktiviti penggredan, pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan serta pemasaran yang teratur.

(vi) Peningkatan Rantai Pemasaran dan Promosi

Rantaian bekalan daripada peringkat ladang sehingga pengguna dikukuhkan melalui peningkatan prasarana dan pengurusan pemasaran dan promosi. Kemudahan pusat pengumpulan, pengedaran dan Terminal Makanan Negara menyokong kecekapan pemasaran dan mendorong usaha pengeluaran secara berterusan. Di peringkat runcit, ruang pasaran seperti Pasar Tani, Kedai Rakyat dan Gerai Buah-buahan Segar telah memudahkan pemasaran keluaran hasil pertanian golongan sasaran terus kepada pengguna.

(vii) Pembangunan dan Peningkatan Kualiti Produk

Kualiti hasil dan produk pertanian sentiasa ditingkatkan melalui aktiviti Pembangunan dan Penyelidikan. Teknologi dan inovasi berhubung dengan proses pengeluaran, kawalan penyakit, keselamatan, kawalan mutu,

pengendalian, pembungkusan dan penggunaan produk diberi tumpuan dalam R&D sektor pertardan bagi memastikan tahap kualiti hasil dan produk golongan sasar terjamin untuk menembusi pasaran.

NO. SOALAN:..

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN **IVIES YU
ARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARL1IV1EN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

(SRI GADiNG)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2010

SOALAN

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz (Sri Gading) minta PERDANA JVIENTERI menyatakan apakah ada cadangan di pihak Kerajaan untuk memberikan elaun khusus kepada para tahfiz bagi mengembangkan ilmu Al-Quran.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROIVS (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan pemberian eiaun khusus kepada para penghafal al-Quran. mengikut negeri masing-masing. Antara negeri-negeri yang telah melaksanakan pemberian elaun khas bagi penghafaz

al-Quran mengikut juzuk ialah Selangor, Wilayah

1

Persekutuan Kuala Lumpur, Keiantan, Terengganu, Pahang dan Johor.

Kerajaan juga telah melaksanakan pemberian elaun khusus kepada pelajar tahfiz yang sedang belajar di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Maahad-maahad Tahfiz al-Quran Negeri mengikut kadar-kadar yang ditentukan. Selain itu, Kerajaan melalui JAKIM, sedang berusaha untuk mewujudkan skim khas untuk lulusan tahfiz terutama- .graduan Darul Quran yang berkhidmat, dan~an cektor Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM

TARIKH : 2 NOVEMBER 2010 (SELASA)

Tuan Khalidbin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA**

MENTERI menyatakan status terkini Wilayah Pembangunan Iskandar dan sejauh mana sambutan dan pelaburan yang dicapai berbanding dengan jumlah yang telah dianggarkan semasa projek berkenaan dilancarkan beberapa tahun dahulu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Shah Alam, pembangunan Iskandar Malaysia dilaksanakan secara berfasa untuk jangka masa panjang dari tahun 2007 hingga 2025 di bawah Pelan Induk Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia bagi merealisasikan visi menjadikan Iskandar Malaysia sebagai sebuah metropolis yang kukuh, mapan dan bertaraf antarabangsa. Ianya meliputi fasa perancangan dan pembinaan infrastruktur asas (2007 - 2009), fasa memperkasa dan menjana pertumbuhan (2010 - 2025) dan fasa pembaharuan yang mapan

(2016 - 2025). Pembangunan di Iskandar Malaysia sedang rancak dilaksanakan dan mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan.

Dari segi peiaburan, Iskandar Malaysia telah berjaya menarik pelabur dalam dan luar negara dengan peiaburan komited setakat September 2010 berjumlah **RM64.38 bilion** berbanding dengan sasaran sebanyak RM47 bilion sehingga akhir tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, peiaburan sebenar sehingga kini adalah berjumlah RM26.89 bilion meliputi pelbagai sektor utama iaitu pembuatan, hartanah, kemudahan awam, perkhidmatan, pelancongan dari negara-negara utama seperti Jepun, Sepanyol, Singapura, Kuwait, Lebanon, UAE, Belanda dan Australia.

Sekian, terima kasih.

ko

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN: JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe
(Mas Gading)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2010 (Selasa)

SOALAN : IS

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan apakah pelan tindakan yang baru, jika ada, yang sedang dan akan digunakan oleh Kementerian dalam usahanya menyediakan dan menaik taraf infrastruktur asas di kalangan masyarakat luar bandar khususnya di pedalaman Sabah dan Sarawak untuk mengurangkan jurang sosioekonomi dan budaya di kalangan rakyat Malaysia di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 12 Oktober 2010 di Stadium Putra, Bukit Jalil bertujuan bagi menyediakan hala tuju, garis panduan serta strategi pembangunan luar bandar secara komprehensif. Teras ke-4 pelan ini menjanjikan pembangunan infrastruktur dan penyediaan kemudahan awam yang menyeluruh bagi masyarakat luar bandar. Tumpuan khusus adalah di pedalaman Sabah dan Sarawak bagi peningkatan kualiti hidup di negeri-negeri berkenaan yang disokong pula oleh pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar, Projek Bekalan Air dan Projek Bekalan Elektrik serta

Projek Bantuan Rumah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Infrastruktur Asas Luar bandar sepanjang tempoh 2010-2012.

Kementerian ini juga dengan kerjasama Iain-lain Kementerian yang terlibat dalam usaha pembangunan luar bandar akan merangka Pelan Tindakan kepada

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP menyediakan pinjaman secara langsung kepada Kerajaan dan syarikat-syarikat Kerajaan dari masa semasa untuk membiayai dan melaksanakan projek-projek Kerajaan yang penting dan yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Berdasarkan rekod, wang KWSP tidak pernah digunakan untuk menampung kos tambahan kepada sebarang projek Kerajaan yang mengalami kerugian.

(b) Setakat 30 Oktober 2010, jumlah baki keseluruhan pinjaman KWSP yang digunakan untuk membiayai projek-projek Kerajaan ialah RM74.49 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM55.79 bilion (75%) merupakan pinjaman kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan dengan jaminan dan tanpa jaminan Kerajaan seperti Sarawak Hidro Sdn. Bhd., Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Bank Pembangunan Malaysia Bhd. (BPMB). Pinjaman ini adalah untuk projek-projek dalam sektor pendidikan, bekalan elektrik, peladangan, hartanah dan institusi kewangan sementara baki pembiayaan RM18.7bilion (25%) merupakan pinjaman langsung kepada Kerajaan bagi menyediakan skim pembiayaan perumahan kakitangan Kerajaan. Prestasi bayaran balik adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini pendedahan pinjaman kepada Kerajaan mahupun syarikat Kerajaan tidak pernah mengalami

sebarang keingkaran pembayaran dan tiada pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak dibayar atau dengan izin "*Non-Performing Loan*" (NPL).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

BAGI NO. AUM : 4

NO. AUP : 15

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DAT UK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG]

2 NOVEMBER 2010

TARIKH

3055

RUJUKAN

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pembinaan projek Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sipitang menjadi keutamaan dan dapat dilaksanakan awal dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Muiia ini, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sipitang telah diwujudkan pada tahun 1980. Pada ketika ini, IPD Sipitang beroperasi di bangunan Balai Polis sediada yang telah diubahsuai. Kementerian memang menyedari keperluan untuk membangunkan semula IPD Sipitang dan telah menyenaraikan projek ini di bawah Syarikat Pembinaan BLT (PBLT) untuk dilaksanakan. Namun begitu, disebabkan oleh masalah peruntukan, projek ini tidak dapat diteruskan.

Tumpuan Kementerian pada ketika ini adalah untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu untuk mengurangkan jenayah jalanan terutama di kawasan-kawasan 'hot spot', maka keutamaan bagi pembinaan IPD Sipitang akan dipohon dalam *Second Rolling Plan* RMK10 iaitu pada tahun 2013-2015.

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A YB DATO¹ SERI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH 2 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) apakah ada usaha-usaha konkrit Kerajaan bagi memastikan pembinaan modal insan (human capital) bukanlah merupakan suatu usaha yang tidak berkesudahan; dan

(b) kaedah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan dimensi akhlak wujud dalam pembinaan modal insan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan modal insan merupakan elemen kritikal dalam mentransformasikan Malaysia kepada negara berpendapatan

tinggi. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan akan melaksanakan perubahan menyeluruh dan berterusan di setiap peringkat pembangunan modal insan dengan menjadikan amalan terbaik dunia sebagai penanda aras (benchmarking). Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan menyeluruh modal insan akan dilaksanakan berpandukan rangka kerja yang bersepadu melalui tiga strategi utama iaitu:

Pertama: merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan - strategi ini memberi penekanan kepada peningkatan kualiti guru dan pelajar selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan yang memberi fokus kepada peningkatan kualiti guru dan pelajar. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.19 bilion bagi menjayakan Program NKRA ini yang berteraskan 4 komponen penting iaitu:

- i. Kadar Enrolmen Prasekolah;
- ii. Sekolah Berprestasi Tinggi;
- iii. Program Penyaringan Literasi dan Numerasi (LINUS); dan
- iv. Bai'ah kepada Guru Besar dan Pengetua;

Kedua: meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia untuk meningkatkan keupayaan mendapat kerja - strategi ini memberi penekanan kepada mengarus perdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (Technical Education & Vocational Training - TEVT) di 900 institusi awam dan swasta. Usaha ini bertujuan untuk menjadikan TEVT setaraf dengan aliran akademik seperti mana amalan di negara maju. Laluan kerjaya lulusan TEVT akan

diperluaskan melalui pengiktirafan sewajarnya terhadap Sijil Kemahiran Malaysia; dan

Ketiga: menyusun semula pasaran pekerjaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi - strategi ini memberi penekanan kepada meningkatkan kelayakan dan keupayaan tenaga kerja bagi membolehkan ekonomi bergerak dalam rantaian yang lebih tinggi. Bagi tujuan ini, pelbagai program latihan kemahiran akan dirangka dengan melibatkan pihak industri. Selain daripada itu, Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (Recognition of Prior Learning) akan diperluas dengan mengiktiraf pengalaman terdahulu dan kepakaran pekerja serta memberi galakan dan ganjaran terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada pembentukan akhlak mulia dalam pembangunan modal insan. Untuk itu, dalam RMke-10, sistem pendidikan negara akan dirombak berpandukan Falsafah Pendidikan Negara yang bermatlamat untuk membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi keupayaan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kurikulum baru untuk sekolah rendah dan menenaaah akan diperkenalkan di mana penekanan akan diberi kepada enam aspek antaranya kerohanian, sikap dan nilai serta kemanusiaan dan keterampilan diri. Penekanan yang lebih akan diberi kepada

penglibatan dalam aktiviti sukan dan ko-kurikulum sebagai usaha ke arah memupuk pembangunan sahsiah pelajar.

Bagi memenuhi keperluan guru agama dan J-Qaf pula, lepasan Sijil Menengah Agama dan Sijil Tinggi Agama kelolaan Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri akan diberi pertimbangan untuk mengikuti pengajian di Institut pendidikan guru. Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan bagi mengubah suai dan menaik taraf sekolah bantuan modal, termasuklah sekolah agama. Di samping itu, bantuan juga akan diberikan kepada sekolah berkenaan untuk membiayai pembayaran bil dan utiliti. Semua program di institusi pengajian tinggi juga akan disemak semula bagi memastikan pematuhan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia yang antara lain menerapkan aspek pengukuhan akhlak kepada siswazah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

TARIKH

2 NOVEMBER 2010

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan

Minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh FELDA supaya generasi kedua terus Kekal tinggal di rancangan FELDA menggantikan ayahanda mereka yang meninggal dunia.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, generasi kedua merupakan pengganti yang akan mengambilalih atau menggantikan tempat peneroka di rancangan-rancangan FELDA. Walau bagaimanapun mengikut peruntukkan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 hanya seorang penama sahaja boleh dilantik sebagai pengganti kepada peneroka. Ini bermakna hanya sebilangan kecil sahaja dikalangan generasi

kedua akan dilantik sebagai pengganti peneroka atau ibubapa masing-masing.

Bagi mereka yang tidak dilantik sebagai peneroka didapati sebahagian daripada mereka masih menetap di rancangan-rancangan atau kawasan berhampiran. Adalah dianggarkan kira-kira 40% generasi baru yang masih menetap di kawasan rancangan. Secara dasar dan menjadi hasrat Kerajaan supaya hanya seorang atau dua orang sahaja daripada kalangan generasi baru tinggal di rancangan dan seterusnya mewarisi atau menggantikan ibubapa mereka. Kerajaan menggalakkan generasi baru FELDA supaya berhijrah keluar rancangan untuk mencari peluang di luar. Felda menyediakan peruntukkan untuk pelbagai program pendidikan dan kemahiran untuk generasi baru. Antaranya, Skim Latihan Kemahiran, Bantuan Pengajian Tinggi, Skim Pinjaman Pengajian Tinggi, Dana Khas Pelajar Pemerlang dan sebagainya sebelum generasi FELDA berhijrah keluar rancangan.

Walau bagaimanapun, dalam usaha mengekalkan generasi baru untuk terus tinggal di rancangan, pelbagai langkah dan program telah dan akan dilaksanakan. Antaranya, FELDA telah menyediakan perumahan mampu milik untuk generasi baru di bawah Program Perumahan Warga FELDA (PWF). Objektif utama PWF adalah untuk menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa dan memastikan pembangunan perumahan lebih teratur. Sehingga kini, FELDA telah menyediakan sebanyak 2,125 unit rumah mampu milik di beberapa lokasi iaitu di Negeri Pahang dan Johor. Dalam tahun 2011, dijangkakan sebanyak enam (6) buah projek PWF akan dibina melibatkan kira-kira 2,500 unit.

Di samping itu, FELDA turut menyediakan peluang pekerjaan di ladang-

ladang FELDA kepada generasi baru. Usaha ini tentunya dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing disamping meningkatkan pengeluaran hasil dengan cara meningkatkan harga penuaian untuk menarik minat pekerja tempatan untuk bekerja di ladang FELDA. FELDA turut menyediakan beberapa insentif kepada peneroka seperti bayaran elaun kehadiran, caruman SOCSO, kenderaan, kemudahan tempat tinggal dan sebagainya.

Selaras bagi meningkatkan serta menggalakkan usahawan dikalangan generasi baru, selain pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF), FELDA telah mewajibkan pemberian kerja-kerja kontrak ladang yang bernilai di bawah RM100,000.00 diberikan kepada generasi baru. Manakala untuk kemudahan program kemasyarakatan dan sukan, FELDA menyediakan Kompleks Sukan Komuniti, dewan, gelanggang sukan terbuka dan sebagainya untuk melaksanakan aktiviti riadah secara teratur disamping melaksanakan pelbagai aktiviti berfaedah kepada generasi baru.

0000000000000000

SOALANNO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MUJAHID BIN HAJIYUSOF RAWA

TARIKH: 2 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tentang usaha mengurangkan penggunaan pekerja asing dan meningkatkan daya saing buruh tempatan.

PR-1233-L40626

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat mengenai usaha mengurangkan penggunaan pekerja asing dan meningkatkan daya saing buruh tempatan, Kerajaan secara dasarnya komited untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja asing.
2. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing, Kerajaan telah merangka beberapa program jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:
 - i. Kementerian Sumber Manusia sedang melipatgandakan usaha bagi mendapatkan penglibatan *latent workforce* dalam pasaran buruh. Pada masa sekarang terdapat 6.973 juta *latent workforce* (sehingga Ogos 2010) yang terdiri daripada golongan suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi yang boleh bekerja secara sepenuh masa dan separa masa. Usaha-

usaha bagi mendapatkan penglibatan *latent workforce* adalah melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P), penubuhan PAKK dan memperbanyakkan program *Homeworking*;

Bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing, Kerajaan komited untuk meningkatkan kepakaran tenaga kerja tempatan sedia ada bagi mengurangkan bilangan tenaga kerja yang diperlukan untuk sesuatu kerja;

Tenaga pekerja asing juga boleh dikurang melalui penggunaan teknologi automasi, penggunaan teknologi IBS dalam sektor pembinaan dan sistem self service dalam sektor perkhidmatan; dan Menggalakkan pelaburan dalam teknologi tinggi (*high technology*) dan berintensifkan modal.

NO. AUM : 14

NO. AUP : 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 2 NOVEMBER 2010

RUJUKAN 3057

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan purata dan status balai polis seluruh negara yang memasangkan CCTV dalam bilik soal siasat, lokap dan persekitaran balai polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan di atas keprihatinan beliau mengenai tahap keselamatan di balai-balai polis di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di balai-balai polis. Pemasangan CCTV ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan terutamanya di lokap-lokap dan di persekitaran balai.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, CCTV juga dipasang di bilik-bilik soal siasat yang mana ia bertujuan untuk memantau proses soal siasat yang dijalankan oleh pihak polis bagi memastikan proses soal siasat itu dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di samping mengesan sekiranya ada salah laku anggota-anggota polis semasa menjalankan soal siasat ke atas suspek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan telah pun memasang CCTV di 227 lokap dan 36 bilik soal siasat di balai-balai polis di seluruh negara. Manakala sebuah balai polis mempunyai CCTV yang dipasang di persekitarannya.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini Kerajaan sedang merancang untuk memasang CCTV di kesemua 827 balai polis di seluruh negara bagi memastikan tahap

keselamatan di balai-balai berada pada tahap yang terbaik dan terkawal.

SOALAN NO : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD ADATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN

[BESUT]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2010

SOALAN

Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin [Besut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa Hospital Besut perlu dinaiktaraf kepada hospital pakar kerana kedudukannya yang jauh dari Hospital Kuala Terengganu dan Hospital USM Kubang Kerian Kelantan

Tuan Yang Dipertua,

Hospital Besut yang mula beroperasi sejak 1976 adalah hospital tanpa pakar residen dengan kapasiti 140 buah katil. Kadar penggunaan katil di hospital tersebut pada tahun 2009 adalah 59.8%. Pada masa ini perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam disediakan oleh 13 orang Pegawai Perubatan, 13 orang Pegawai Farmasi dan lain-lain anggota Sains Kesihatan Bersekutu.

Walaupun tiada pakar residen, pada masa ini perkhidmatan kepakaran di Hospital Besut diperolehi melalui lawatan Pegawai Perubatan Pakar secara berkala dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu dan jumlah kedatangan pesakit ke klinik pakar telah meningkat dari 1,162 pada tahun

2007 kepada 2,637 orang pada tahun 2009.

Jarak di antara Hospital Besut dengan hospital berpakar terdekat adalah 60 km ke Hospital USM Kubang Kerian, dan 110 km ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Memandangkan bilangan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan kepakaran adalah tinggi dan kedudukan Hospital Besut adalah jauh dari hospital berpakar sedia ada, adalah menjadi hasrat KKM untuk menempatkan pakar-pakar residen di dan menaiktaraf hospital ini pada masa hadapan. Di samping itu, dengan sistem rujukan yang diguna pakai, pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan kepakaran pada kadar segera akan dirujuk ke hospital yang berpakar.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini juga masih terdapat kekurangan doktor pakar yang berkhidmat di hospital KKM. Cadangan untuk menaiktaraf sesebuah hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar perlu selaras dengan sumber manusia yang mencukupi. Ini meliputi Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan, Jururawat dan lain-lain lagi. Dalam perkara ini, Kementerian sedang berusaha untuk memberi peluang kepada lebih ramai Pegawai Perubatan dilatih menjadi Pegawai Perubatan Pakar dan melatih lebih ramai jururawat di kolej-kolej latihan Kementerian supaya perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital Kementerian dapat diperkukuhkan dan diperkembangkan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan.

NO. AUM : 13

NO. AUP : 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]**
TARIKH **2 NOVEMBER 2010**
RUJUKAN **3058**

SO ALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini jumlah warganegara asing yang masih berada dalam negara selepas tamat tempoh pas lawatan mereka mengikut negara asal masing-masing dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah penyalahgunaan pas lawatan sosial ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada ahli Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai rekod bilangan warganegara asing yang terus tinggal di negara ini secara tidak sah, memandangkan kemasukan mahupun keberadaan golongan ini adalah secara tidak sah dan tidak direkodkan oleh mana- mana agensi.

Walau bagaimanapun, sebahagian dari bilangan warganegara asing yang

telah tinggal di Malaysia secara tidak sah sehingga 30 September 2010 boleh dilihat dari statistik tangkapan oleh Jabatan Imigresen Malaysia terhadap pesalah imigresen sepanjang tahun 2010 seramai 25,553 orang. Dari jumlah tersebut seramai 9,944 orang didakwa, seramai 4,781 telah ditahan dalam Depot Imigresen dan seramai 15,327 orang telah diusir.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara tindakan yang diambil untuk mengusir mereka pulang ke negara masing-masing adalah:

i. Mempercepatkan proses dokumentasi melalui hubungan kerjasama yang baik dengan perwakilan negara asal;

Memperolehi peruntukan yang mencukupi bagi pembiayaan tiket kapal terbang ke negara asal. Sekiranya tiket kapal terbang dapat disediakan oleh pihak majikan/ keluarga warganegara asing berkenaan, maka beliau dapat diusir secepat mungkin. Ketiadaan tiket penerbangan akan melewatkan pengusiran dan mungkin mengakibatkan Kerajaan Malaysia menanggung kos;

Melaksanakan Program Penghantaran Pulang PATI secara sukarela dengan mengenakan kompaun yang minima; dan

Menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara.

NO SOALAN: 23

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH

[GUA MUSANG]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2010

SOALAN

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH minta PERDANA MENTERI

menyatakan setelus manakah pengisytiharan harta milik peribadi benar-benar dilaksanakan oleh setiap pemimpin dan pegawai tinggi Kerajaan dilakukan secara terbuka.

**JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peraturan sedia ada, semua pegawai awam tidak kira sama ada mereka dalam kategori pegawai tinggi atau sebaliknya dikehendaki membuat pengisytiharan segala harta yang dimiliki olehnya atau isteri atau suaminya atau anaknya. Pengisytiharan harta hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Jabatan masing-masing sebagaimana dinyatakan di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002. Manakala bagi Anggota-Anggota Pentadbiran Kerajaan yang turut meliputi Ahli-Ahli Jemaah Menteri perlu mengisytiharkan pemilikan harta kepada Y.A.B. Perdana Menteri setiap 2 tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN
TARIKH**

**LISAN
02.11.2010 (SELASA)**

DARI PADA

Y.B. PUAN CHONG ENG

**KAWA3AN
SOALAN:**

BUKIT MERTA JAM

Y.B. PUAN CHONG ENG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan impak kemajuan ekonomi China terhadap Malaysia, termasuk dalam konteks ACFTA, terutama kesannya terhadap enterprise kecil-sederhana dan apakah langkah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi industri tempatan daripada cabaran-cabaran syarikat gergasi China.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) telah mula dilaksanakan pada Julai 2005 di mana duti import dikurangkan dan dimansuhkan secara berperingkat. Pada 1 Januari 2010, duti import ke atas pakej terakhir bagi produk dalam Trek Normal (NT) telah dimansuhkan. Dengan ini, 90 peratus produk yang diperdagangkan di antara Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand (ASEAN-6) dan China tidak akan dikenakan duti import.

Untuk makluman, terdapat lagi 10 peratus produk (garis tarif) yang telah diletakkan di bawah Senarai Sensitif (SL) dan Senarai Amat Sensitif (HSL). Tarif bagi SL ini akan dikurangkan ke paras 20 peratus pada tahun 2012 dan 0 hingga 5 peratus pada 2018. Bagi produk di bawah HSL, duti akan di turunkan ke 50 peratus pada tahun 2015. Tiada komitmen lagi untuk mengurangkan duti import produk di dalam trek ini. Antara barang-barang yang terdapat di dalam SL dan HSL adalah seperti:

- automotif;
- besi dan keluli;
- tekstil;
- beras; dan
- tembakau.

ingin juga dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia telah meningkatkan penggunaan sijil keutamaan tempasal (Borang E) untuk menembusi pasaran China. Sebanyak 23,424 Borang E telah dikeluarkan pada tahun 2009 dengan jumlah eksport sebanyak RM8.4 bilion. Bagi tempoh Januari-Ogos 2010, sebanyak 23,159 Borang E telah dikeluarkan dengan nilai eksport sebanyak RM 8.4 billion. Produk-produk utama yang dieksport dengan menggunakan Borang E adalah:

- getah;
- minyak sayuran;
- asid stearik;
- minyak kelapa sawit mentah; dan
- asid asetik.

Ini menunjukkan bahawa FTA ini memberi faedah kepada Malaysia. China merupakan rakan perdagangan terbesar bagi Malaysia

selepas Singapura, Amerika Syarikat dan Jepun. Jumlah perdagangan pada tahun 2009 ialah RM127.9 bilion (US\$36.34 bilion) atau 12.9 peratus daripada perdagangan luar Malaysia). Jumlah eksport Malaysia ke China bernilai RM67.23 bilion (US\$19.10 bilion) dan jumlah import Malaysia dari China bernilai RM60.65 (US\$17.23 bilion). Lebihan dagangan adalah sebanyak RM6.58 bilion (US\$1.87 bilion) yang menyebelahi Malaysia.

Statistik ini menunjukkan bahawa China merupakan pasaran yang penting bagi Malaysia. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat industri tempatan terutamanya enterprise kecil dan sederhana yang merasai impak ACFTA. MITI juga mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh Syarikat-syarikat Malaysia dengan pelaksanaan ACFTA pada 1 Januari 2010. Liberalisasi pasaran bagi barangan dan perkhidmatan dijangka akan menyebabkan persaingan yang lebih sengit di pasaran global. Oleh itu, syarikat-syarikat Malaysia terutamanya enterprise kecil dan sederhana perlu bersedia untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan kompetitif terutamanya dari segi harga bagi menjamin produk mereka dapat bersaing untuk jangka masa yang lebih panjang.

Kerajaan akan sentiasa memantau impak FTA dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan industri tempatan dapat bersaing dengan China. Sekiranya industri tempatan terjejas disebabkan oleh pelaksanaan ACFTA, Kerajaan boleh mengambil langkah strategik lain untuk menanganinya seperti *anti-dumping* dan *safeguard*. MITI akan terus memantau import dari negara China. Malaysia akan terus membincangkan dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk memastikan

ACFTA tidak akan membawa kesan buruk kepada ASEAN.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga memastikan produk-produk yang diimport mematuhi aspek standard, kesihatan, keselamatan, Sanitari dan Fito-Sanitari (SPS). Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA), produk-produk yang diimport ke Malaysia harus memenuhi elemen-elemen di atas seperti yang termaktub di dalam Perjanjian tersebut dan juga Peraturan Syarat Tempasal (*Rules of Origin-R00*). Kerajaan juga melalui pihak Kastam DiRaja Malaysia dan agensi-agensi mengadakan pemeriksaan di peiabuhan bagi memastikan barang-barang yang memasuki Malaysia memenuhi syarat-syarat pematuhan (*standards*).

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru agar syarikat-syarikat Malaysia lebih berusaha untuk meningkatkan kualiti produk dan pada masa yang sama dapat mengeluarkan produk dengan kos yang rendah. Dengan adanya produk Malaysia yang berkualiti tinggi melalui penyelidikan dan pembangunan, sememangnya pengguna tempatan akan memilih produk-produk Malaysia berbanding produk-produk China.

Saya ingin menegaskan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang bergantung pada eksport dan mengamalkan dasar perdagangan luar yang terbuka. Produk-produk banyak diimport daripada pelbagai sumber dan negara di dunia. Import-import ini adalah berdasarkan kepada permintaan tempatan.

Setakat ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan industri (MITI) tidak menerima sebarang maklum baias negatif daripada kebanyakan industri tempatan terhadap pelaksanaan Perjanjian ACFTA, tetapi hanya terdapat sedikit kerisauan daripada sektor best dan keluli mengenai persaingan yang sengit dari pengimportan produk-produk dari China. Sehingga hari ini, tidak ada negara ASEAN yang bercadang untuk merunding semula konsesi di bawah ACFTA. Adalah diingatkan bahawa, penurunan tarif ini bukanlah secara mendadak tetapi dibuat secara berperingkat semenjak 2005.

Pada masa yang sama, pelaksanaan ACFTA seharusnya dilihat dari sudut yang positif dimana ACFTA boleh membantu syarikat-syarikat Malaysia dari segi:

- peningkatan akses bagi barangan Malaysia untuk menembusi pasaran China dengan pengurangan tarif import;**
- pemansuhan halangan-halangan bukan tarif ke atas eksport barangan Malaysia ke China;**
- peningkatan akses bagi sektor perkhidmatan Malaysia ke China;**
- ACFTA menyediakan pasaran yang besar meliputi 1.9 billion pengguna dengan Keluaran Negara Kasar (KNK) serantau sebanyak US\$2 trillion dan jumlah perdagangan yang dianggarkan sebanyak US\$1.23 trillion;**
- Pengurangan kos pengeluaran bagi barangan di antara ASEAN dan China melalui pemansuhan halangan-halangan perdagangan, peningkatan skala ekonomi serta peningkatan**

perdagangan intra-ASEAN; dan

- Enterpris ASEAN dan China dapat mengkhusus dalam pengeluaran barangan dan ini secara tidak langsung meningkatkan produktiviti serta menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara ASEAN dan China.

Dengan faedah-faedah yang ditawarkan menerusi pelaksanaan ACFTA, syarikat-syarikat Malaysia seharusnya mengatur strategi dalam memaksimumkan penggunaan FTA ini dalam mengembangkan perdagangan mereka ke pasaran China. Terdapat banyak peluang serta prospek dalam pelaksanaan ACFTA dalam perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan dengan termeterainya ketiga-tiga Perjanjian Perdagangan Barangan pada 29 November 2004, Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan pada 14 Januari 2007 dan Perjanjian Pelaburan pada 15 Ogos 2009.

Untuk pengetahuan, MITI sedang berusaha untuk meningkatkan promosi produk-produk tempatan ke China melalui pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di China. MATRADE dan MIDA ini akan membantu syarikat-syarikat tempatan menembusi pasaran di China.

Malaysia telah mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti promosi seperti Ekspo ASEAN-China yang diadakan setiap tahun di Nanning, China. Ekspo ini telah dihadiri oleh enterpris dari Malaysia. Syarikat-syarikat Malaysia mendapati bahawa Ekspo tersebut sangat berguna sebagai platform untuk mempromosi

produk mereka di pasaran China. Lebih daripada 100 syarikat Malaysia menyertai Ekspo tersebut pada setiap tahun.

Dalam era globalisasi, dasar-dasar *protectionist* tidak lagi relevan. Syarikat-syarikat Malaysia harus berusaha meningkatkan daya saing melalui kerjasama strategik dan menumpukan kepada aktiviti nilai tambah yang tinggi. Syarikat-syarikat Malaysia juga tidak harus hanya melihat kepada saingan dari China tetapi perlu merangka strategi bagi menembusi pasaran-pasaran lain seperti India, Korea dan Jepun.

ko:yg

SJ.B/(41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATO' HAJI RAHMAN [PASIR SALAK]	TAJUDDIN BIN ABDUL
PERTANYAAN :	LISAN	
TARIKH	2.11.2010	

Dato' Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah dana khas yang telah disuntik untuk pinjaman perumahan rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan berpendapatan rendah.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2008, Kerajaan telah mengumumkan satu skim yang bertujuan membantu golongan tidak mempunyai pekerjaan tetap dan berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman perumahan. Berikutan daripada pengumuman Bajet tersebut, Kementerian Kewangan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) bagi melaksanakan skim tersebut. Kerajaan telah

memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta dalam bentuk Modal Berbayar kepada SJKP dan melalui peruntukan ini, SJKP mampu menjamin pinjaman perumahan sehingga berjumlah RM1 bilion.

2. Bagaimana pun, Kerajaan memberi jaminan pinjaman kepada golongan ini mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan terpilih sehingga RM100,000.00 bergantung kepada keperluan dan kemampuan peminjam membayar balik pinjaman mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH 2 NOVEMBER 2010

SOALAN

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk memantapkan sistem Informasi Maklumat Kesihatan (Total Hospital Information System) di hospital-hospital milik Kerajaan semenjak ia dilancarkan. Senaraikan hospital-hospital yang terlibat dengan sistem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

SOALAN NO : 26

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membelanjakan sebanyak RM745,890,477 bagi kos pelaksanaan Sistem Maklumat Hospital (*HIS*) di 17 buah Hospital Kerajaan yang telah dilengkapi dengan sistem tersebut. Jumlah kos penyelenggaraan tahunan pula ialah sebanyak RM75,937,502.

Senarai Hospital dan Perincian Kos adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Hospital	Kos Pelaksanaan (RM)	Kos Penyelenggaraan Setahun (RM)
1.	Hospital Selayang, Selangor	64,000,000	10,579,853.20
2.	Hospital Putrajaya, WPersekutuan Putrajaya	40,000,000	4,200,000.00
3.	Hospital Sultan Ismail, Pandan, Johor Baharu	76,414,493	10,500,000.00
4.	Hospital Ampang, Selangor	90,511,151	7,059,228.33
5.	Hospital Alor Setar, Kedah	106,137,496	Belum lantik
6.	Hospital Sg Petani, Kedah	83,428,272	6,889,659.00
7.	Hospital Serdang, Selangor	114,330,356	11,000,000.00
8.	Hospital Sg. Buloh, Selangor	110,636,086	7,900,000.00
9.	Hospital Keningau, Sabah	21,822,525	2,927,488.33
10.	Hospital Lahad Datu, Sabah	22,836,980	7,514,557.60
11.	Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang	4,613,131	4,967,320.80
12.	Hospital Pekan, Pahang	4,477,989	1,965,366.00
13.	Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Seremban, Negeri Sembilan	2,804,176 (termasuk Hospital PD)	434,029 (termasuk penyelenggaraan di Hospital PD)
14.	Hospital Port Dickson (PD), Negeri Sembilan	Lihat Bil. 13	Lihat Bil. 13
15.	Hospital Klang	3,877,792 (termasuk Hospital Kajang dan Hospital Kuala Lumpur)	Masih tempoh waranti sehingga 10.9.2012
16.	Hospital Kajang	Lihat Bil. 15	Lihat Bil. 15
17.	Hospital Kuala Lumpur	Lihat Bil. 15	Lihat Bil. 15
Jumlah Kos		745,890,447	75,937,502

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada 17 Hospital yang telah mempunyai sistem HIS, sebanyak 4 buah Hospital sedang dalam proses pembangunan sistem HIS yang akan melibatkan kos pelaksanaan sebanyak RM 107,451,245. Hospital tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Hospital	Kos Pelaksanaan (RM)	Tarikh Kontrak
1.	Hospital Temerloh, Pahang	34,052,000	9/1/2009-10/1/2012
2.	Hospital Kuala Terengganu, Terengganu	43,000,000	9/1/2009-10/1/2012
3.	Hospital Bintulu, Sarawak	27,799,000	9/1/2009-10/1/2012
4.	Hospital Ipoh, Perak	2,600,245	17/5/2010-16/11/2011

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM
BIN OSMAN
[LIPIS]

TARIKH 2 NOVEMBER 2010

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menyusun program dan menangani masalah mental yang sejak kebelakangan ini agak membimbangkan dalam masyarakat negara kita.

Tuan Yang Di Pertua,

SOALAN NO : 27

Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah menangani masalah kesihatan mental dalam masyarakat melalui pengwujudan Program Kesihatan Mental Komuniti di Malaysia semenjak tahun 1997 di bawah Rancangan Malaysia Ke-7. Program yang dirangka menggariskan strategi promosi kesihatan mental, pengesanan awal penyakit mental, rawatan serta pemulihan psikososial. Objektif program termasuklah mempromosikan kesihatan mental yang positif di kalangan kumpulan sasar melalui peningkatan kemahiran hidup dan amalan gaya hidup sihat, mengurangkan beban masalah kesihatan mental dan penyakit mental melalui saringan dan intervensi awal, menyediakan perkhidmatan penjagaan dan rawatan kepada pesakit mental dalam komuniti serta meningkatkan kefungisian individu yang telah pulih supaya boleh berintegrasi ke dalam masyarakat.

Dalam menyusun Program Kesihatan Mental, Kementerian telah mewujudkan Program Minda Sihat yang dilaksanakan melalui aktiviti *outreach* dan juga di klinik-klinik kesihatan merangkumi aktiviti saringan tahap kesihatan mental termasuk stres, keresahan (*anxiety*) dan kemurungan (*depression*) serta intervensi minda sihat kepada masyarakat. Perkhidmatan psikiatri juga disediakan bagi pesakit- pesakit mental di 37 buah hospital kerajaan dan 4 institusi dengan sejumlah 115 orang Pakar Psikiatri, 2 orang Pegawai Psikologi Klinikal, 20 orang kaunselor bertauliah dan 57 pegawai psikologi (yang menjalankan tugas-tugas kaunseling), bagi membantu individu- individu yang mempunyai masalah kesihatan mental dan penyakit mental. Di peringkat

primer, sebanyak 671 buah klinik kesihatan menyediakan perkhidmatan rawatan kesihatan mental. Perkhidmatan ini diberikan oleh pakar perubatan kesihatan keluarga dan juga pegawai perubatan yang telah dilatih untuk memberi rawatan kesihatan mental di peringkat primer dengan dibantu oleh penolong pegawai perubatan.

Menyedari masalah kesihatan mental yang kian meningkat, Kementerian telah mengorak langkah menubuhkan satu Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia dan dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri dari pakar psikiatri, pakar dalam bidang kesihatan awam dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan yang bertindak memberi pandangan teknikal dan nasihat kepada Y.B Menteri Kesihatan dalam aspek promosi kesihatan mental.

Lanjutan itu, satu pelan tindakan implementasi program kesihatan mental telah dibentuk dengan menggariskan aktiviti-aktiviti di antaranya seperti permerkasaan komuniti memfokuskan kepada kemahiran daya tindak menangani stres, saringan minda sihat dan intervensi di klinik-klinik kesihatan, menangani stres di tempat kerja, mempertingkatkan perkhidmatan susulan pesakit mental stabil di klinik kesihatan dan memperluaskan perkhidmatan pemulihan psikososial serta perkhidmatan sokongan keluarga. Dari segi pembangunan modal insan, anggota kesihatan akan terus diberi latihan bagi mengenalpasti dan mengendalikan kes-kes yang mengalami masalah kesihatan mental.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH 02 NOVEMBER 2010

SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah perbelanjaan terhadap peralatan seperti “plate besi” untuk pembedahan otopedik, “stent” untuk prosedur angioplasty, alat “pace-maker” dan lain-lain yang sekarang ditanggung oleh pesakit di hospital Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang mengambil alih kos peralatan seperti ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukan bagi perolehan alat-alat implan dan prostesis melalui belanjawan mengurus. Pada tahun 2010 Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM66,130,527.00 untuk perbelanjaan bahan-bahan konsumabel yang merangkumi keperluan implan dan prostesis. Peruntukan ini diagihkan kepada aktiviti Ortopedik,

Oftalmologi, Otorinolaringologi, Pembedahan Kardiorasik, dan Perubatan Rehabilitasi.

Alat-alat implan dan prostesis yang disediakan secara percuma menggunakan peruntukan ini adalah mengikut sebagaimana yang disenaraikan di dalam Pindaan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 7/2003 Mengenai Garispanduan Bekalan Alat Implan/Prostesis di Hospital- Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mengikut pekeliling ini, pesakit-pesakit yang layak mendapat bekalan alat- alat implan dan prosthesis secara percuma adalah:

- i. Semua pesakit kelas tiga yang dimasukkan ke hospital-hospital KKM
- ii. Kakitangan kerajaan serta tanggungannya
- iii. Orang-orang kurang upaya atau cacat yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat
- iv. Orang-orang Asli
- v. Murid-murid sekolah kerajaan

Bagi pesakit yang tidak termasuk di dalam kategori di atas tetapi tidak mampu untuk membiaya keperluan implan / prostesis mereka dan juga bagi pesakit yang layak tetapi memerlukan selain dari alat implan yang terdapat di dalam pekeliling di atas, pesakit-pesakit ini boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Tabung Bantuan Perubatan mengikut tatacara sedia ada.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(42)

2. Kerajaan Persekutuan telah membayar sebanyak RM534.05 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2005 bagi menyelesaikan bayaran pampasan kepada penduduk yang terlibat di bawah Skim Penempatan Semula Penduduk Di Sungai Asap. Walau bagaimanapun, agihan pampasan serta keluasan tanah yang diberi kepada penduduk yang terlibat di bawah pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]

TARIKH 2 NOVEMBER 2010

SOALAN

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan bilangan kakitangan di setiap Jabatan Persekutuan di Sabah termasuk jabatan polis dan tentera mengikut jawatan yang disandang oleh penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyeimbangkan keadaan kedudukan perjawatan ini.

JAWAPAN

YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 18 Oktober 2010, daripada 66,597 orang pegawai yang mengisi jawatan Persekutuan (tidak termasuk anggota tentera) di negeri Sabah, secara keseluruhannya 77.9% adalah anak negeri Sabah dan 4.4% pula adalah anak negeri Sarawak manakala selebihnya 17.7% berasal dari Semenanjung.

Kerajaan Persekutuan sentiasa memberi keutamaan pengambilan dan pengisian jawatan Persekutuan di negeri Sabah kepada anak negeri Sabah. Langkah ini bagi memastikan pegawai yang dilantik dan mengisi jawatan tersebut sesuai dan dapat menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan mengikut keperluan tempatan.

Kerajaan juga terutamanya melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa mengadakan promosi dalam akhbar tempatan seperti Borneo Post dan juga hebahan secara *online* menerusi laman web supaya lebih ramai calon-calon yang layak dan berminat dari Sabah memohon jawatan dan akhirnya boleh ditempatkan di Sabah. Selain itu, sesi pengambilan juga dibuat mengikut zon dengan mengambil kira faktor calon dari kawasan

NO. SOALAN:3Q

pedalaman bagi memudahkan mereka hadir ke sesi temuduga tersebut dan berpeluang untuk dilantik. Bagi perkhidmatan tertentu seperti Paramedik, Kerajaan telah menetapkan bahawa Institut Paramedik di Sabah dikhaskan untuk calon-calon tempatan yang akhirnya disasarkan untuk calon- calon tersebut berkhidmat di negeri Sabah setelah lulus pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BT.
ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)
TARIKH : 2 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BT. ABD RAHMAN (TANJONG MANIS) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) **Jumlah subsidi yang diberikan kepada Syarikat-syarikat Tol Lebu Raya Bebas (*Toll Highway Companies*) bagi tahun 2008, 2009 dan 2010; dan**
- (b) **Adakah Kerajaan akan merunding semula pemberian subsidi tersebut dengan *Cost + X% profit*.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

- (a) **Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah memberikan subsidi kewangan kepada syarikat-syarikat pengendali lebu**

raya bertol di negara ini, sebaliknya hanya membayar pampasan berikutan keputusan Kerajaan untuk tidak menaikkan kadar tol sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Jumlah pampasan sebenar dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat bagi tahun 2008 dan 2009 ialah sebanyak RM626.8 juta secara keseluruhan manakala jumlah anggaran pampasan tunai bagi tahun 2010 pula ialah sebanyak RM410.66 juta. Walau bagaimanapun, jumlah pampasan sebenar bagi tahun 2010 itu hanya akan dapat dimuktamadkan setelah ia disahkan menerusi laporan audit bersama oleh Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kerajaan melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Kementerian Kewangan masih sedang meneliti isu-isu yang berkaitan dengan konsesi lebuhraya di negara ini secara keseluruhannya. Sehubungan itu sebarang keputusan Kerajaan akan ditentukan oleh Agensi-Agensi Pusat yang berkenaan setelah mengambil kira pelbagai faktor dan kesannya terhadap ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

No. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]

TARIKH

2 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA

MENTERI menyatakan sejauh mana NKRA pelbagai bidang telah mencapai sasaran sejak dilancarkan dan bagaimanakah hala tuju seterusnya.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program (GTP)* dengan menggunakan kaedah makmal atau “labs” dan *Key Performance Indicators (KPI)* merupakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan untuk pembaharuan jentera kerajaan dan merealisasikan komitmen kerajaan supaya “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” mengikut Gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk mencapai Wawasan Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersatupadu, aman dan berpendapatan tinggi.

Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas (NKRA)* telah dikenalpasti dan giat dilaksanakan di bawah pemacuan Menteri- menteri peneraju yang disokong oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan sejak bulan Januari 2010 berdasarkan hasrat dan pandangan rakyat mengikut kajian dan maklumbalas. Enam (6) NKRA ini ialah mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar, mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan pengangkutan awam bandar dan mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar.

Pelaksanaan GTP telah mulai menyampaikan kesan-kesan positifnya mengikut enam (6) NKRA secara spesifik. Kesan-kesan positif ini dapat dirumuskan mengikut KPI-KPI atau angka-angka yang telah dilaporkan dari masa ke masa oleh Menteri Peneraju atau pegawai kanan yang berkenaan melalui media massa.

Sebagai satu contoh, di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah, lebih daripada 14,000 anggota polis telah ditugaskan semula (*redeployed*) bersama dengan lebih daripada 3,000 anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) untuk meningkatkan rondaan dan tindakan mencegah jenayah dalam 50 kawasan tumpuan atau “hotspots.” Skim

Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Rukun Tetangga juga sedang dimobilisasikan. Hasilnya, sehingga bulan September tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lepas, kadar jenayah indeks telah menurun 16 peratus pada keseluruhannya dan kadar jenayah jalanan yang merangkumi ragut dan rompakan tanpa senjata menurun sebanyak 38.2 peratus. Sebagai perbandingan, apabila inisiatif yang sama dilaksanakan di bawah pimpinan Tony Blair, Kerajaan British hanya dapat mulai mengurangkan jenayah selepas tempoh dua (2) tahun.

Pada amnya, pelaksanaan GTP bersama-sama dengan Pakej Perangsang Ekonomi dan beberapa langkah yang lain setakat ini telah berjaya meningkatkan keberkesanan dan kecekapan jentera pentadbiran, memulih persepsi dan keyakinan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi Negara. Hakikatnya, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatat 9.5 peratus bagi separuh tahun pertama ini yang merupakan yang paling tinggi sekali dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Kombinasi langkah-langkah kerajaan ini bersama-sama dengan inisiatif dan usaha sektor swasta telah juga memberi sumbangan terhadap lonjakan kedudukan Malaysia dalam daya saing sedunia, mengikut *World Competitiveness Yearbook (WCY)* dari tangga 18 pada tahun lepas ke tangga 10 pada tahun ini. Peningkatan Malaysia dalam dua (2) daripada empat (4) kategori daya saing adalah amat menggalakkan iaitu, kecekapan kerajaan (*government efficiency*) dari tangga 19 ke tangga 9, dan kecekapan perniagaan (*business efficiency*) dari tangga 13 ke tangga 4.

Sememangnya, sambutan dan prestasi para penjawat awam adalah menggalakkan. Bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam makmal-makmal NKRA, MKRA dan lain-lain, perubahan dan penambahbaikan dari segi kemahiran pengurusan, bahkan dari segi sikap, komitmen, motivasi dan perasaan yakin diri adalah

amat ternyata. Pelaksanaan NKRA dan MKRA telah juga melibatkan ramai penjawat awam di kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan. Semangat dan pendekatan baru ini juga mulai disemarakkan ke peringkat akar umbi, atau *“rank and file,”* khasnya di kalangan anggota polis dan guru bagi NKRA mengurangkan jenayah dan NKRA meningkatkan kualiti pendidikan.

Walau bagaimanapun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda, cara mengurus dan budaya kerja. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Dalam hal ini, Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak supaya langkah-langkah positif ini dapat terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian dan mencapai hasil-hasil yang besar dan berkesan bagi rakyat dalam tempoh masa yang terdekat ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH 2 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta PERDANA MENTERI

menyatakan sama ada ataupun tidak Kerajaan berhasrat meminda umur untuk mengundi dari 21 ke 18 dan menjadikannya mandatori untuk semua rakyat mendaftar dan mengundi dalam pilihanraya. Sekiranya tidak, kenapa.

|

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendapat umur

JAWAPAN **YB. DATO* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

matang bagi seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun. Rakyat Malaysia yang di bawah umur tersebut adalah ditakrifkan sebagai remaja yang kebanyakannya masih lagi di alam persekolahan. Justeru, Kerajaan telah menentukan, kelayakan umur mengundi bagi seseorang warganegara Malaysia adalah apabila dia mencapai umur 21 tahun. Ini berdasarkan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas, menetap di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih, layak untuk mendaftar sebagai pemilih.

Tindakan menjadikannya mandatori pula akan bertentangan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan hak kebebasan diri dan juga bercanggah dengan sistem demokrasi yang diamalkan oleh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN : **YB. PATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**
PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON**
[IPOH BARAT]

TARIKH **2 NOVEMBER 2010**

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan berpuas hati dengan kaedah yang dijalankan bagi pendaftaran pemilih baru pada masa sekarang; dan
- (b) sila senaraikan bilangan warganegara Malaysia yang masih belum mendaftar sebagai pemilih mengikut umur dan negeri.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sentiasa berusaha untuk menggalakan pendaftaran pemilih di kalangan warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan

sebagai pemilih mendaftar sebagai pemilih. Bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih, SPR menyediakan pelbagai saluran pendaftaran untuk memudahkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih, menyemak maklumat pendaftaran mereka dan memaklumkan SPR berhubung maklumat pembersihan daftar pemilih. SPR menyediakan Permohonan pendaftaran pemilih ini boleh dikemukakan melalui saluran-saluran seperti berikut:

- (1) Kaunter Statik Ibu Pejabat SPR di Putrajaya;
- (2) 14 Kaunter-Kaunter Statik iaitu di 14 buah Pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara;
- (3) Kaunter-Kaunter Statik Pejabat Pos Berkomputer di seluruh negara; (terdapat 699 buah pejabat pos di seluruh negara);
- (4) Kaunter-kaunter bergerak SPR melalui Program *Outreach* di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai seperti berikut:
 - (i) di pusat membeli-belah;
 - (ii) di kawasan-kawasan penempatan penduduk seperti di taman-taman perumahan dan kampung-kampung;
 - (iii) di pejabat-pejabat jabatan kerajaan;
 - (iv) di institut pengajian tinggi awam dan swasta; dan

JAWAPAN

YB. PATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

(v) di pusat-pusat latihan di seluruh negara.

(5) Pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) daripada kategori yang berikut:

- (i) PPP (Wakil Parti Politik) yang dilantik daripada kalangan ahli parti-parti politik yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia;
- (ii) PPP (Wakil Jabatan Kerajaan) yang dilantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di agensi Kerajaan atau badan berkanun;
- (iii) PPP (Pejabat Pos) yang dilantik daripada kalangan petugas-petugas kaunter di Pejabat Pos di seluruh Malaysia;

- (iv) PPP (Wakil Pertubuhan) yang dilantik daripada kalangan anggota pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia; dan
- (v) PPP (Wakil Universiti/ Kolej Universiti) yang dilantik daripada kalangan pegawai hal ehwal pelajar di universiti-universiti.

Sepanjang tempoh daripada bulan Januari 2010 hingga September 2010, sebanyak 4,642 Program Outreach telah berjaya dilaksanakan oleh semua Pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara. Daripada keseluruhan jumlah 4,642 program yang dilaksanakan, SPR telah berjaya menerima sebanyak 104,333 permohonan pendaftaran baru dan 35,694 permohonan pendaftaran pertukaran tukar alamat pusat mengundi.

- (b) Statistik jumlah pemilih yang telah mendaftar dan belum mendaftar sebagai pemilih adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

BIL.	NEGERI	BILANGAN 21 TAHUN DAN KE ATAS SEHINGGA 01 SEPTEMBER 2010	BILANGAN TELAH MENDAFTAR DENGAN SPR SEHINGGA DPI ST2/2010	BELUM MENDAFTAR DI SPR	
				BILANGAN BELUM MENDAFTAR	PERATUS BELUM MENDAFTAR
1	PERLIS	154,355	122,052	32,303	20.9%
2	KEDAH	1,209,905	898,015	311,890	25.8%
3	KELANTAN	1,009,313	789,521	219,792	21.8%
4	TERENGGANU	630,531	553,899	76,632	12.2%
5	PULAU PINANG	944,575	737,375	207,200	21.9%
6	PERAK	1,691,343	1,242,613	448,730	26.5%
7	PAHANG	832,728	631,212	201,516	24.2%
8	SELANGOR	2,447,074	1,656,046	791,028	32.3%
9	W.P KUALA LUMPUR	1,045,107	699,374	345,733	33.1%
10	W.P PUTRAJAYA	16,110	8,064	8,046	49.9%
11	NEGERI SEMBILAN	633,029	476,687	156,342	24.7%
12	MELAKA	477,126	382,241	94,885	19.9%
13	JOHOR	1,968,750	1,375,483	593,267	30.1%
14	W.P LABUAN	33,031	21,165	11,866	35.9%
15	SABAH	1,154,649	830,788	323,861	28.0%
16	SARAWAK	1,438,187	956,658	481,529	33.5%
	JUMLAH BESAR	15,685,813	11,381,193	4,304,620	27.4%

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN**

DARIPADA

TARIKH

JAWAB LISAN

Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) 2

NOVEMBER 2010 (SELASA)

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI

menyatakan senarai projek-projek daripada peruntukan yang telah diberi kepada Sabah di bawah Pembangunan Sabah Koridor semenjak dilancarkan hingga sekarang dan memberi sebab kenapa peruntukan di daerah pedalaman dikurangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu, sejumlah 54 program dan projek telah diperakukan untuk Koridor Pembangunan Sabah (SDC) sejak pelancaran dengan siling pembangunan RM1.27 billion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Jumlah ini tidak termasuk sebanyak 12 projek lagi yang baru diluluskan kepada Koridor Sabah dalam tempoh dua tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), dengan jumlah siling pembangunan yang diluluskan sebanyak RM330 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan untuk daerah pedalaman tidak dikurangkan sebaliknya

dilaksanakan seperti mana yang telah dirancang bagi mewujudkan pembangunan seimbang antara kawasan pedalaman dan bandar. Projek-projek utama di pedalaman di antaranya projek Agropolitan Pitas, Agropolitan Kota Belud, Penanaman Getah di Semenanjung Bengkoka, Pitas, Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC), Presint Industri Agro Sabah (SAIP), Papar, Kerja Naiktaraf Kemudahan Pelancongan Daerah Tenom, Keningau, Nabawan dan Tambunan, pembinaan sebanyak 21 jalan pertanian di beberapa daerah dan 6 jalan masuk ke projek - projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan Pembinaan Jalan Tongod - Pinangah. Jumlah peruntukan bagi kesemua projek kawasan pedalaman adalah RM500 juta dari keseluruhan siling pembangunan SDC. Projek dan program utama lain yang dilaksanakan di SDC termasuk Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit (POIC) Sandakan dan Lahad Datu, Hab Pendidikan Sandakan (SEH), Naik Taraf Lapangan Terbang Sandakan dan Kerja-Kerja Menaik Taraf Persekitaran Kota Kinabalu merupakan projek yang mempunyai nilai rantai ekonomi tinggi bakal menghubungkan aktiviti ekonomi kawasan bandar dan pedalaman. Semua projek dan program tersebut berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur dan pengupaya bakal menjadi pemangkin serta memacu pertumbuhan ekonomi. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang diwujudkan dijangka menyediakan peluang pekerjaan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB L1SAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI AB. AZIZ BIN AB. KADIR
[KETEREH]

TARIKH

2 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Haji Ab. Aziz bin Ab. Kadir [Ketereh] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan sekatan terhadap akses laman web lucah. Apakah yang menjadi halangan kepada Kerajaan dalam melaksanakan sekatan tersebut. Berapakah jumlah kunjungan terhadap laman web lucah sepanjang tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,
Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil tindakan menutup laman-laman web lucah di bawah peruntukan Seksyen 263 (2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98).

Sehingga kini, sebanyak 380 laman-laman web telah disekat daripada dicapai oleh orang ramai. Kerajaan tidak mempunyai maklumat mengenai akses laman web lucah oleh rakyat Malaysia bagi tahun 2010.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT
BENDERA]

TARIKH 2 NOVEMBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah Kerajaan bersedia meliberalisasikan perniagaan 'last mile' broadband daripada monopoli TM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah-langkah untuk meliberalisasikan *last mile* daripada monopoli TM. Pada tahun 2005, SKMM telah mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan *local loop unbundling* di Malaysia. *Local loop unbundling* bermakna bahawa pemberi perkhidmatan yang lain boleh menggunakan *last mile* TM untuk menawarkan perkhidmatan broadband. Langkah ini telah diambil oleh SKMM meliberalisasi *last mile* rangkaian perkhidmatan tetap TM dan pemberi perkhidmatan yang lain.

SOALAN NO: 37

Terdapat pelbagai bentuk **local loop unbundling** yang boleh dilaksanakan dan SKMM hanya melaksanakan satu bentuk **local loop unbundling** iaitu **Bitstream Services**.

Seterusnya, pada awal tahun 2006, SKMM juga telah menetapkan harga untuk **Bitstream Services** dengan tujuan untuk memastikan bahawa TM dan pemberi perkhidmatan rangkaian tetap yang lain tidak mengenakan harga yang tidak berpatutan yang boleh menjejaskan persaingan di dalam pasaran jalur lebar.

Pada tahun 2009, SKMM telah menjalankan siasatan awam dan hasil dari siasatan awam tersebut, SKMM telah melaksanakan tiga bentuk **local loop unbundling** yang lain, iaitu **Full Access Services**, **Sub-loop Services** dan **Line Sharing Services**.

Dengan pelaksanaan ketiga-tiga bentuk **local loop unbundling, last mile** TM telah diliberalisasikan dengan sepenuhnya. SKMM juga telah memulakan kajian kos untuk menetapkan harga untuk kesemua bentuk **local loop unbundling** dan langkah ini akan mempertingkatkan lagi persaingan di dalam pasaran jalur lebar.

NO.AUM

NO. AUP : *H*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]

DARIPADA 2 NOVEMBER 2010

3061

TARIKH

RUJUKAN
LISAN

SOALAN:

Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah yang menyebabkan jumlah peratusan kes kanak-kanak yang hilang yang dapat diselesaikan oleh PDRM dari tahun 2005 hingga 2008 mengalami penurunan. Apakah permasalahan yang dihadapi dan adakah ia menunjukkan kurangnya keberkesanan pihak PDRM dalam menyelesaikan permasalahan kanak-kanak hilang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuantan yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Padang Serai bertarikh 2 November 2010 kerana pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Antara punca penurunan peratus penyelesaian kes kanak-kanak hilang dari tahun 2005 hingga 2008 adalah seperti berikut:

- (a) Kelewatan ibu bapa membuat laporan polis yang mana ianya perlu disegerakan bagi membolehkan pihak polis mengambil tindakan segera;
 - (b) Kanak-kanak yang hilang telah dijumpai namun perkara ini tidak dimaklumkan semula kepada pihak polis; dan
- Tuan Yang Dipertua,

Perkara ini tidak menggambarkan ketidakcekapan pihak polis dalam mengendalikan kes-kes kehilangan kanak-kanak. Pihak polis sentiasa mempertingkatkan keberkesanan dengan melaksanakan beberapa

(c) Kurangnya keprihatinan masyarakat dalam membantu pihak berkuasa mengenalpasti suspek dan kanak-kanak yang hilang. langkah penyiasatan terperinci seperti:

- i. Mewujudkan data peribadi setiap orang hilang didalam borang *Missing Person System 1*. Kebenaran daripada pihak keluarga akan dipohon bagi membolehkan pihak polis membuat hebahan melalui media seperti contoh Laman Web PDRM;
- ii. Memberikan taklimat kepada anggota peronda, bit dan patrol untuk membantu mengesan orang yang dilaporkan hilang.
- iii. Menyemak serta mengkaji setiap 3 bulan terhadap kes-kes yang masih belum selesai, menghubungi pengadu dan memberitahu perkembangan siasatan kes serta mendapatkan maklumat lanjut dari pengadu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH 2 NOVEMBER 2010

RUJUKAN 3056

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah yang menyebabkan jumlah peratusan kes kanak-kanak yang hilang dapat diselesaikan oleh PDRM dari tahun 2005 hingga 2008 mengalami penurunan. Apakah permasalahan yang dihadapi dan adakah ia menunjukkan kurangnya keberkesanan pihak PDRM dalam menyelesaikan permasalahan kanak-kanak hilang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuantan yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Padang Serai bertarikh 2 November 2010 kerana pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Antara punca penurunan peratus penyelesaian kes kanak-kanak hilang dari tahun 2005 hingga 2008 adalah seperti berikut:

(a) Kelewatan ibu bapa membuat laporan polis yang mana ianya perlu disegerakan bagi membolehkan pihak polis mengambil tindakan segera;

(b) Kanak-kanak yang hilang telah dijumpai namun perkara ini tidak dimaklumkan semula kepada pihak polis; dan

Tuan Yang Dipertua,

Perkara ini tidak menggambarkan ketidakcekapan pihak polis dalam mengendalikan kes-kes kehilangan kanak-kanak. Pihak polis sentiasa

(c) Kurangnya keprihatinan masyarakat dalam membantu pihak berkuasa mengenalpasti suspek dan kanak-kanak yang hilang. mempertingkatkan keberkesanan dengan melaksanakan beberapa langkah penyiasatan terperinci seperti:

- i. Mewujudkan data peribadi setiap orang hilang didalam borang *Missing Person System 1*. Kebenaran daripada pihak keluarga akan dipohon bagi membolehkan pihak polis membuat hebahan melalui media seperti contoh Laman Web PDRM;
- ii. Memberikan taklimat kepada anggota peronda, bit dan patrol untuk membantu mengesan orang yang dilaporkan hilang.
- iii. Menyemak serta mengkaji setiap 3 bulan terhadap kes-kes yang masih belum selesai, menghubungi pengadu dan memberitahu perkembangan siasatan kes serta mendapatkan maklumat lanjut dari pengadu.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI
(TITIWANGSA)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2010.

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan masjid-masjid dan surau-sarau seluruh Wilayah Persekutuan yang mengadakan mesyuarat agung tahunan di kalangan ahli qariah di mana pemilihan jawatan kuasa

NO. SOALAN:. V©

masjid dan pembentangan kewangan dibuat, bilakah tarikh terkini mesyuarat tersebut serta bilangan ahli mesyuarat yang terlibat. Sekiranya tiada mesyuarat diadakan, senarai AJK dari pihak mana yang diterima JAWI dan atas kriteria apa senarai tersebut diluluskan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987, Perkara 6 (1) memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) boleh

menubuhkan suatu Jawatankuasa Kariah bagi mana-mana kariah dengan melantik mana-mana orang yang sesuai dan layak untuk menjadi Anggota Jawatankuasa Kariah dan Majlis boleh menentukan jawatan bagi tiap-tiap anggota tersebut.

Penubuhan Jawatankuasa Kariah ini berdasarkan Perkara 6 (2), Kaedah-Kaedah tersebut, di mana Majlis boleh menubuhkan Jawatankuasa Kariah bagi tujuan mengelakkan perpecahan antara anak kariah dan untuk menjaga kepentingan Majlis. Manakala Perkara 4 (1) dan (2) menetapkan kriteria pemilihan Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- (a) beragama Islam;
- (b) anak kariah;
- (c) berumur 18 tahun ke atas; dan
- (d) mempunyai ketinggian akhlak, agama dan sosial.

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kariah (AJK) bagi sesi 2007/2009 berakhir pada 31 Julai 2009. Walau bagaimanapun, tempoh AJK 2007/2009 dilanjutkan sehingga 31 Disember 2009. Sebab-sebab penangguhan adalah seperti berikut:

- (i) senarai AJK yang dicadangkan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MAIWP; dan
- (ii) cadangan AJK mendapat bantahan daripada anak-anak kariah.

Pelantikan AJK baru sesi 2010/2011 bermula 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2011.

Sekian, terima kasih.



